



**Berita Utara** - April 16, 2009 18:03 PM

---

## Tanah Terbiar Dipulih Secara Optimum

JITRA, 16 April (Bernama) -- Semua tanah terbiar yang berpotensi di seluruh negara akan dibangunkan dengan projek pertanian bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Johari Baharom berkata program pemulihan itu termasuk pelaksanaan 'Bumi Hijau' dan 'kongsi-keuntungan' iaitu membangunkan tanah terbiar milik individu oleh usahawan atau swasta dengan projek bersesuaian yang menguntungkan.

Kementerian akan bekerjasama rapat dengan semua kerajaan negeri supaya rancangan memulihkan tanah terbiar mencapai matlamat, katanya ketika berucap merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Pertanian di sini hari ini.

Beliau berkata walaupun bekalan makanan dalam negara mencukupi, langkah yang diambil melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM) akan menjamin pengeluaran bahan makanan tidak merosot malah berkualiti dan selamat dimakan.

"Peruntukan DJBM pada tahun ini sahaja sebanyak RM2.924 bilion dan tahun lepas RM2.906 bilion. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan membantu golongan petani meringankan bebanan selain mendapat pulangan setimpal dengan usaha mereka," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga memperuntukan RM2.187 bilion tahun ini untuk sektor tanaman padi supaya pengeluaran beras meningkat setiap musim.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pertanian, Bioteknologi dan Industri negeri Datuk Ir Amiruddin Hamzah berkata kerajaan negeri akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada usaha kementerian memulihkan tanah terbiar dan membangunkannya dengan projek yang berdaya maju.

"Lebih 4,000 hektar tanah terbiar di seluruh Kedah dikenalpasti boleh dipulih dan dimajukan dengan tanaman yang menguntungkan," katanya yang turut hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA